

01/09/2000

Puisi patriotik bergema di Putrajaya

Jamudin Idris

SELAMA ini nama Putrajaya agak asing dengan kegiatan seni. Ini kerana ia sebuah pusat pentadbiran kerajaan yang baru. Oleh yang demikian belum banyak kegiatan yang sempat dirancang, tetapi sempena sambutan Bulan Kemerdekaan kali ini, Putrajaya dimeriahkan dengan pembacaan puisi patriotik.

Menariknya kerana pembacaan kali ini disertai semua lapisan masyarakat dari murid sekolah rendah yang didatangkan khas dari Kelantan hinggalah kepada pemimpin negara yang disayangi iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut memeriahkan majlis.

Di laman yang terbuka dan taman yang permai, ada yang memilih menikmati puisi di kerusi yang disediakan tetapi tidak kurang yang menikmati puisi sambil beristirehat di bawah pokok rendah. Ada yang mengambil kesempatan menikmati keindahan malam di Putrajaya sebelum menghayati pembacaan puisi.

Penyanyi lagu rakyat dari Pahang, Aripin Said membuka tirai dengan mendendangkan dua lagu rakyat iaitu Angin dan Tebang tebu dan selepas itu pembacaan puisi disambut Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah dari Universiti Malaya dengan puisi Bangsa bermaruah bangkit membina martabat.

Zuber Ali dan Kombo Kebudayaan dari Universiti Malaya mendendangkan beberapa lagu puisi yang menjadi pujaan ramai suatu ketika dulu sebelum tokoh pendidik, Tan Sri Dr Awang Had Salleh tampil dengan puisi panjangnya berjudul Bukankah kepadamu dulu telah aku katakan.

Dengan nada merintih, Awang Had menyampaikan beberapa pesan seperti katanya:

Bukankah kepadamu dulu telah aku katakan?

Bahasamu, jati dirimu

cintailah dia

hargailah dia

daulatkan dia

kuasailah dia sebaik-baiknya.

Rupa-rupanya pesan ini tidak kau hiraukan

maka kekalkan engkau selamanya

ada wajah, tiada rupa.

Dr Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) pula tampil dengan puisi Jangan Berduka Malaysiaku, Datin Masnah Rais pula menyampaikan puisi Ku Kalungkan Setia sebelum penyair kecil yang berbakat Muhammad Izz Taufik Sazalee yang memilih puisi Zean Kasturi bertajuk Ke ruang katarsis.

Ternyata kehebatan Muhammad Izz Taufik (7) mendeklamasikan puisi dengan penuh yakin dan bergaya menarik perhatian banyak pihak dan murid tahun satu Sekolah Kebangsaan Bukit Marak, Bachok, Kelantan itu adalah seorang kanak-kanak berbakat besar seperti ayahnya penyair Sazalee Yaacob.

Penyair bersuara garau, Borhan Md Zain yang bertindak sebagai pengerusi majlis turut mendeklamasi puisinya Merdeka Bangsaku sebelum Kumpulan Kopratasta tampil dengan dua lagu puisi bertajuk Hijrah dan Kami Orang Melayu.

Kemuncak acara apabila Dr Mahathir tampil membaca puisinya berjudul Erti kemerdekaan. Puisi itu digarap dari siri ucapannya dan pada baris-baris yang menyentuh mengenai bangsa Melayu dijajah, ia begitu menyentuh jiwa Perdana Menteri sehingga beliau begitu sebak mengungkapkannya:

Dan jatuhnya hanya beberapa hari

lalu terbelenggu 400 tahun

suatu tempoh yang amat payah dan panjang

pengabdian dan kehilangan yakin diri
43 tahun kita berdiri menebus maruah
merdeka mentafsir diri sendiri dan bangga pada apa yang ada
masih mahukah harga itu diperjudikan.

Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) yang akhir-akhir ini jarang mendeklamasikan puisi, tampil dengan sebuah puisi yang dihasilkan sembilan tahun lalu berjudul Di Wawasan Perdana 2020 Malaysiaku manakala penyair dari Pahang, Marsli N.O. memilih puisinya berjudul Halimunan sejarah.

Ketua Unit Sastera, Berita Harian Sdn Bhd Sutung Umar RS pula tampil dengan puisinya Keranamu Malaysia sambil Hir Hanif melakar sebuah lukisan. Lukisan itu kemudiannya dilelong dan dibeli oleh Naib Canselor Universiti Selangor, Prof Datuk Dr Kamaruddin Kachar.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Habibah Zon turut menyumbang sebuah puisi berjudul Penyambung Merdeka manakala Syed Mohd Zakir Syed Othman (S.M.Zakir) memilih puisi Merdeka.

Diharapkan acara pembacaan puisi santai anjuran Biro Tatanegara ini tidak terhenti setakat sambutan bulan kemerdekaan, sebaliknya dapat diteruskan secara tetap, mungkin dua atau tiga bulan sekali atau diadakan mengikut sesuatu peristiwa penting negara seperti misalnya sambutan kemerdekaan. Tentu cadangan ini disetujui oleh Dr.Nordin Kardi, Ketua Pengarah Biro Tatanegara kini yang berjaya merancang majlis yang telah berlangsung dengan jayanya itu.

(END)